BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/20/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 13 November 2020

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2020

Ekonomi Malaysia bertambah baik dengan mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 2.7% pada suku ketiga tahun 2020 (S2 2020: -17.1%)

Keadaan yang bertambah baik ini sebahagian besarnya mencerminkan pembukaan semula ekonomi selepas pelaksanaan langkah pembendungan COVID-19 dan keadaan permintaan luaran yang bertambah baik. Pertumbuhan yang lebih baik dicatatkan merentas kebanyakan sektor, khususnya dalam sektor perkilangan yang berubah menjadi positif susulan aktiviti pengeluaran E&E yang kukuh. Dari segi perbelanjaan, permintaan dalam negeri menguncup pada kadar yang lebih perlahan, manakala eksport bersih meningkat semula. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi kembali pulih untuk mencatatkan peningkatan sebanyak 18.2% (S2 2020: -16.5%).

Bagi suku ketiga, inflasi keseluruhan mencatatkan kadar negatif yang lebih kecil pada -1.4%, disebabkan terutamanya oleh harga runcit bahan api domestik yang lebih tinggi, sejajar dengan pemulihan harga minyak dunia. Inflasi teras menjadi sederhana sedikit kepada 1.0%.

Perkembangan kadar pertukaran

Pada suku ketiga tahun 2020, ringgit menambah nilai sebanyak 2.9% berbanding dengan dolar AS, susulan aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang berterusan. Aliran masuk ini didorong oleh sentimen pelabur yang positif berikutan terdapatnya tanda-tanda pemulihan dalam kegiatan ekonomi global apabila negara-negara melonggarkan sekatan pergerakan dan mula membuka semula ekonomi mereka secara beransur-ansur. Peningkatan kesanggupan para pelabur mengambil risiko turut disokong oleh perubahan rangka kerja dasar monetari Federal Reserve Amerika Syarikat (AS), yang menandakan bahawa dasar monetari AS akan kekal akomodatif untuk jangka masa yang lebih panjang. Perkembangan ini adalah sejajar

dengan kebanyakan mata wang serantau, yang menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku itu**.** Meskipun kes COVID-19 menular semula dalam beberapa ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun selepas tempoh suku ketiga baru-baru ini, sentimen pelabur terus disokong oleh pemulihan ekonomi RR China yang stabil dan pertumbuhan global yang diunjurkan meningkat pada tahun 2020 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Hasilnya, Malaysia mencatatkan aliran masuk portfolio bukan pemastautin dan ringgit menambah nilai sebanyak 0.6% berbanding dengan dolar AS sejak akhir bulan September 2020 (setakat 12 November). Walau bagaimanapun, persekitaran global kekal dalam keadaan yang sangat tidak menentu dalam tempoh terdekat. Hal ini boleh menyebabkan tempoh volatiliti bagi aliran modal dan kadar pertukaran meningkat pada masa hadapan.

Keadaan pembiayaan

Pembiayaan bersih kepada sektor swasta[1] terus berkembang pada asas tahunan sebanyak 4.6%. Pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat pada suku ketiga, disokong terutamanya oleh pinjaman isi rumah dengan peningkatan yang menyeluruh dalam permintaan pinjaman. Pinjaman perniagaan terkumpul mencatatkan pertumbuhan yang sederhana disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih perlahan untuk tujuan modal kerja. Tahap pengeluaran pinjaman juga pulih dengan pengeluaran kepada isi rumah melebihi tahap yang pernah dicatatkan sebelum ini.

Ekonomi Malaysia dijangka terus meningkat menjelang tahun 2021 sejajar dengan permintaan global dan sokongan dasar dalam negeri yang lebih baik

Penularan semula kes COVID-19 dan langkah-langkah pembendungan bersasar baru-baru ini boleh menjejaskan momentum pemulihan ekonomi pada suku keempat tahun 2020. Namun begitu, meskipun kebanyakan sektor ekonomi telah dibenarkan untuk terus beroperasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP), kesannya dijangka lebih sederhana berbanding dengan langkah-langkah pembendungan pada tempoh sebelum ini.

Pada tahun 2021, pertumbuhan dijangka pulih, dengan mendapat manfaat daripada permintaan global yang bertambah baik dan perbelanjaan sektor awam dan swasta yang kembali meningkat dengan sokongan pelbagai dasar. Langkah-langkah Kerajaan yang dilaksanakan termasuk KITA PRIHATIN dan Belanjawan 2021 yang

[1] Merangkumi pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP), dan bon korporat terkumpul.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

diumumkan baru-baru ini, khususnya Bantuan Prihatin Rakyat, subsidi upah bersasar dan projek awam. Selain itu, langkah-langkah kewangan yang terus dilaksanakan dan persekitaran kadar faedah yang rendah juga dijangka memberikan sokongan selanjutnya kepada kegiatan ekonomi.

Purata inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada tahun 2021, mencerminkan terutamanya harga minyak dunia yang diunjurkan meningkat dan luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik bertingkat pada tahun 2020. Inflasi asas dijangka kekal rendah berikutan lebihan kapasiti dalam ekonomi. Prospek inflasi dan trajektori akan bergantung terutamanya pada perkembangan harga minyak dan komoditi dunia.

Bank Negara Malaysia
13 November 2020

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my